

muka (15)

UCHAPAN Y.A. BERHORMAT
TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi;
Yang Berhormat Dato' Ismail;
Yang Berhormat Dato' Hj. Sa'adon;

Tuan2 dan Puan2 sakalian,

Saya berharap semoga ucapan2 yang akan di-beri oleh pehak Menteri dan pensharah2 pada hari ini, akan memberi faedah kapada tuan2 sa-bagai Ketua2 UMNO dan Setia-Usaha2 UMNO seluroh-nya.

Sa-belum saya memberi keterangan2 di-atas dua perkara yang di-sebut oleh Y.T. Mulis Tunku tadi. terutama berhabong dengan Pilehan Raya akan datang ini, saya amat-lah berharap dan berpesan, bahawa perkara2 ini janganalah di-sebut2kan lagi sa-waktu ini.

Perkara ini sa-benar-nya ada-lah rahsia, yang kita harap akan kita putuskan di-dalam Perhimpunan Agong Khas UMNO pada masa yang tidak lama lagi dan di-dalam-nya-lah nanti akan. kita tentukan.

Mengikut peratoran-nya, akan kita adakan pada tahun hadapan, meski pun bagitu, ada-lah menjadi hak dan tanggungjawab kapada Kerajaan membubar Parliament dan Dewan Undangan Negeri pada bila2 masa sahaja yang di-fikirkan munasabah.

Walau apa2 hal pun tentu-lah mengikut peratoran2-nya dan tentu kita akan berunding lebeh dahulu dengan Party kita.

Dalam perkara ini saya minta, jangan-lah di-bimbangkan, tetapi hendak-lah bersedia apabila sahaja tiba masa-nya.

Yang kedua, berhubong dengan peruhdingan di-Bangkok, di-antara saya sendiri bagi pehak kita dan Tuan Setia Usaha Luar Philipina, bagi pehak Philipina melalui Usha Tun Thanatkhuman, Menteri Luar Thai, sa-bagaimana yang di-ketahui,

Sa-benar-nya pada masa Y.T.Mulia Tunku Yang di-Pertua beruchap, pehak Kabinet telah menimbang surat daripada pehak Philipina yang telah kita terima melalui Kerajaan Thailand

itu, tereasok-lah juga perundingan mengenai Labour Exchange, demikian-lah juga surat-menyurat di-antara saya dengan Tuan Lopez sa-masa saya di-Bangkok dahulu,

Hal ini semua, ada-lah di-kaji dan di-pertimbangkan oleh <jemaah2 Menteri kita, can hasil dari pertimbangan itu akan di-persembaikan kembali kepada pehak Kerajaan Philipina melalui Tun Thaanatkhuman.

Boleh-lah caya sebutkan di-sini bahawa pehak Philipina benar2 berkehendakkan Perhubungan Diplomatik itu dihidupkan sa-mula dengan kita, dan ingin juga meneruskan syarat2 yang kita tentukan dahulu di-Manila.

Syarat2 kita itu, kita memutuskan supaya pehak Philipina, bagitu juga Indonesia menghidupkan sa-mula perjanjian yang di-kahendaki di-Manila dan menyambut Malaysia saperti yang tersebut di-dalam perjanjian itu.

Bagi pehak Indonesia tidak ada apa2 perhubungan dalam masa ini, kerana Konfrantasi mereka terhadap kita maseh lagi panas dan kita tentu-lah tidak dapat berbuat apa2, sa-lagi keadaan maseh keras/dan tegang.

Tuan2 dan Puan2;

Saya pagi in.i. ada-ah di-minta beruchap dalam perkara2 yang berkaitan dengan Malaysia; terutama-nya, dan perkara2 luar negeri ia-itu Maphilindo, Bagitu juga berhubong dengan perkara2 siasah di-Tenggara Asia ini.

Dalam memberi penerangai di-tiap2 chawangan dan Bahagianoleh tuan2 sa-telah kembali ka-tempat masing2, hendaklah di-ingat, bahawa keterangan2 dan gambaran2 yang terang, adalah satu perkara yang mustahak sa-kali kapada ra'ayat2 di-Tanah Melayu, berhubong dengan Gerakan Kebangsaan kita dan yang berkaitan dengan Pergolakan siasah di-Tenggara Asia pada hari ini

UMNO sa-bagaimana yang tuan2 tahu ia-lah sa-buah party Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang terbesar sa-kali, oleh kerana UMNO ini, berdasarkan Demokrasi, mudah-lah bagi kita menjalankan kahendak2 ra'ayat dan hasrat-nya kerana sa-tiap masa kita dapat berdamping dengan mereka.

Kita maseh belum dapat berpuas hati di-Asia ini mengenai menchapai Kemerdekaan-nya, hanya-lah party2 yang berdasarkan Demokrasi sahaja, yang boleh menjalankan pertadbiran

yang sempurna dan menunai segala kahendak ra'ayat dengan baik seperti Party Kongres di-India.

Ada pun Party2 lain di~negeri2 seperti di-Indonesia, di-Burma dan lain2, tidak dapat menyempurnakan kahendak2 ra'ayat, memberi keamanan dan ketenteraman, dan membuat kemajuan bagi mengisi Kemerdekaan negeri2 itu dengan kahendak2 Kebangsaan.

Dan UMNO kita ini, tidak sa-belah kiri dan tidak di-sabelah kanan, apa yang kita jalankan ia-lah sa-mata2 mengikut kahendak2 Kebangsaan, sa-suai dengan hasrat serta keperluan bangsa kita sendiri.

Kita selalu mendengar, party2 pembangkang menda'awa bahawa mereka menganut Idialogie itu dan ini, tetapi bagi kita hanya-lah satu sahaja Idialogie, ia-itu Kebangsaan.

Dalam menjalankan dasar Kebangsaan ini, kita mengambil perkara2 yang elok daripada mana2 pihak sa-kali pun, ~~saffi~~ ada dari Catholic, Socialist, hatta daripada Komunis pun juga. Kita mesti menerangkan menurut aliran yang sa-benar.

Aliran Kebangsaan satu sahaja, chontoh yang dapat saya berikan di-sini ia-lah seperti Rancangan Pembangunan Luar Bandar, kalau hendak ,di-katakan rancangan ini berbau Socialist pun, memang benar.

Kerana kita perchaya bahawa orang2 miskin itu, perlu di-beri pertolongan bagi meninggikan taraf hidup mereka, dan orang yang kaya kita beri kebebasan kepada mereka. menjalankan perusahaan-dan sa-bagai-nya, supaya negeri tidak terbiar bagitu sahaja.

Kalau kita rasa bahawa mereka banyak mendapat untong, kita kenakan chukai yang hasil daripadanya untok faedah orang2 miskin, dan ini-lah sa-benar-nya yang kita jalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Pada pandangan saya ada rancangan yang berjalan di-negeri2 lain yang tidak boleh di-bawa ka-negeri kita ini dengan tidak mengikut keadaan dan keperluan ra'ayat dan kahendak ra'ayat dengan menurut chara penghidupan masharakat yang ada di-dalam negeri ini sendiri.

Berdasarkan kepada itu-lah pula kita jalankan rancangan2 ini, kerana sa-mata2 kepentingan ra'ayat dan kahendak-nya.

Sebab itu, tuan2 dan puan2 hendak-lah faham benar2, walau pun UMNO ini, dasar asasi-nya tidak berubah, tetapi, dasar polisi-nya, terpaksa bertukar dari satu masa ka-satu masa, dan dari satu keadaan ka-satu keadaan yang lain, ia itu mengikut kahendak ra'ayat yang selalu menerima perubahan dan keadaan hidup-nya itu sendiri.

Kalau dahulu UMNO chogan-kata-nya "Hidup- Melayu", kemudian bertukar "Merdeka", kemudian menjadi "Pembangunan", di-ikuti lagi pada hari ini dengan "Malaysia", kita bertukar sa-tiap masa, sebab party kita berdasarkan Kebangsaan.

Ada orang2 di-sa-belah Pantai Timor yang meminta s upaya di-tukar nama UMNO itu kepada suatu nama yang lain, sa~suai dengan keadaan masa yang berjalan ini, saya berpendapat bahawa rangka nama itu, biar-lah tetap saperti biasa, dan apa yang perlu di-ubah ia-lah isi dan polisi chara kita menghadapi keadaan dan suasana-, sa-suai pula dengan keperluan2 ra'ayat mengikut perkembangan-nya.

Saya yakin, hanya dengan jalan ini-lah sahaja, dapat kita hidupkan Party kita terus-menerus, dan dengan chara Demokrasi saperti ini-lah yang akan menjamin berlaniut-nya usia UMNO.

Kapada tuan2 dan Puan2, saya menyeru supaya keterangan yang saperti ini-lah yang wajib di-terangkan kepada ra'ayat, yang hasil-nya menuju keamanan dan kema'moran ra'ayat serta kekal pula kedudukan kita.

Di-Indonesia umpama-nya, pernah kita mendengar, Pembesar2 mereka berkata:- Bahawa negeri kita maseh lagi menchari National Iddntity, saya sendiri tidak faham maksud National Identity bagi satu bangsa yang sa-banyak 100 juta orang itu.

Bagi kita yang telah ada mempunyai Kebangsaan, dan tanda2-nya, maka kita atorkan keadaan musharakat kita dan hidup kita supaya sa-suai dengan keadaan zaman.

Kita tidak akan chari lagi National Identity, kerana kita sudah ada mempunyai-nya sejak turun-temurun yang kita pusakai dari nenek moyang kita.

Sebab itu-lah tuan2 biasa mendengar da lam Ran-changan Kemajuan Kampong2, saya pernah berkata, bahawa kita bukan hendak membena musharakat baharu, tetapi kita akan hidupkan sa-mula Musharakat kita itu, dan memajukan-nya supaya sasuai dengan

zaman kemajuan dan pembangunan di-masa sekarang ini.

..... Hanya dengan ini kita akan dapat faedah daripada kemerdekaan kita .

Tidak pula seperti di-Indonesia, sa-telah 19 tahun lebeh Merdeka, tetapi maseh lagi menchari2 apa-kah dasar Kebangsaan yang tetap, sa-laras dengan kahendak dan keperluan ra'ayat-nya.

Berkewajipan-lah tuan2 ddn puan2 menerangkan kapada ra'ayat seluroh-nya, betapa berjaya dan bahagia-nya kita yang telah memoleh UMNO, dan telah memerintah negeri ini dengan menentukan dasar Kebangsaan, sa-suai dan sa-laras dengan Kehidupan dan kahendak2 ra'ayat dari sa-masa ka-samasa.

Berkenaan dengan Malaysia, saya fikir tentu-lah tuan2 dan puan2 telah mengetahui tujuan ia di-lahirkan, ia-itu dengan tujuan membebaskan negara2 tetangga kita, Singapura, Serawak dan Sabah dari kongkongan Penjajah. Kerana kita sedar, jika negeri2 ini berpanjangan di-bawah penjajahan, neschaya bahaya2 Komunis yang berada di-negeri kita terutama di-Singapura, akan merebak dan menjadi kuat, yang dengan itu juga membawa kapada keadaan huru-hara.

Huru-hara ini membawa di-seluroh Tenggara Asia juga menjadi huru-hara yang di-dalam-nya negeri kita turut bersama.

Kerana Singapura, mengikut perjanjian dengan British, sa-telah di-beri Kemerdekaan, jika tidak bersatu dengan kita ia-itu Malaysia, mereka akan membuat perhubungan dengan Komunis, kerana kedudukan Party2 yang kuat di-Singapura ia-lah Party2 yang berchorak kiri.

Jika berlaku-lah seperti itu, sedangkan kita hanya bebera pa batu sahaja jarak jauh-nya di-antara Johor dan Singapura itu, dan tentu sahaja membawa kapada keadaan yang tidak di-ingini dengan mudah dan senang.

Terjadi-lah seperti apa yang berlaku di-Vietnam dan di-Laos, bahkan lebeh burok dari itu akan timbul di-negara kita ini.

Untok mengatasi kemungkinans ini, bagi memaju dan membahagiakan nasib ra'ayat seluroh-nya, maka itu-lah ditubuhkan Malaysia.

Dan kelahiran Malaysia ini, sa-benar-nya di-Singapura, Serawak dan Sabah telah mengadakan pungutan2 suara melalui Pilihan Raya, bagi menentukan apa-kah ra'ayat2 mereka berkehendakkan Malaysia atau tidak, sa-telah di-adakan penyiasatan oleh pehak Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu.

Sa-telah berjalan-nya semua itu, merasai puas - lah bagi pehak kita, sa-suai dengan kahendak2 ra'ayat2 yang berkenaan itu sendiri, tetapi malang-nya pehak Brunei tidak dapat menyertai bersama dalam Malaysia ini.

Saya suka juga menerangkan di-sini, bahawa pehak kita telah chukup berusaha untok membawa Brunei menyertai Malaysia sa-hingga di-saat2 yang akhir pun kita telah bersetuju dengar apa yang di-katakan syarat2 oleh Brunei, tetapi ternyata-lah kapada saya, dan Y.T. Mulia Tunku sa-telah pergi ka-London di-saat yang paling akhir sa-kali berhubung dengan perantauan itu, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Penasehat2-nya, tidak mahu menyertai dalam Malaysia di-ketika itu.

Berikut dengan itu-lah di-jadikan alasan berhubung dengan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Malaysia nanti : padahal sa-belum itu tidak timbul perkara2 inik dan nyata' lah Brunei tidak mahu menyertai Malaysia dengan sebab2 yang tidak di-ketahui.

Bagi pandangan saya, Brunei yang hanya terdiri dari 85,000 orang penduduk2 yang lebeh kurang sa-besar negeri Perlis, tentu tidak dapat berdiri sendiri, terutama sa-lepas British kelaar, kita khuatir akan mudah-lah terdedah kapada anasir2 Komunis merebak masok ka-dalam-nya, jika Brunei tetap dalam keadaan saperti itu.

Kerana negeri yang terta'alok saperti Brunei itu mudah subor dengan kegiatan2 yang membahayakan, mereka akan menggunakan semangat Kebangsaan ra'ayat untok menentang Kerajaan-nya, dan pengaruh mereka akan kuat.

Jika keadaan saperti ini berlaku di-Brunei, apabila pehak Brunei berkehendakkan Malaysia di-satu hari nanti, akan menyusahkan kita, dan kita terpaksa menghadapi semua-nya itu kerana kita bersahabat,

Memang dari mula lagi kita amat-lah suka jika Brunei bersama2 dengan'.kita, negeri Melayu, Raja-nya pun Melayu. tetapi apa yang terjadi bukan-lah kesalahan dari pehak kita, kits telah chukup bertolak ansor dengan Brunei dalam hal ini, demikian lah tuan2 dan puan2 mengenai tujuan Malaysia ini di-tubuhkan.



Berhubung dengan Malaysia ini, maka pihak Indonesia ia mengistiharkan dasar Konfrantasi-nya pula terhadap kita. Kita tidak-lah dapat faham dengan sa-benar2-nya dengan sikap Indonesia ini, tetapi apa yang saya faham ia-lah kerana mereka takut kepada kedudukan kita di-sabelah sini.

Sebab sa-telah negeri2 Serawak, Sabah dan juga Brunei, menyertai dalam Malaysia, dan kebaikan negeri2 baharu itu tentu akan di-ketahui oleh ra'ayat2 Indonesia Sendiri, yang dengan itu juga akan menimbulkan rasa tidak puas hati ra'ayat terhadap pemerintah-nya, maka itu-lah yang saya faham mengapa Indonesia melancharkan Konfrantasi terhadap Malaysia kita ini.

Dan kalau ada sebab2 yang lain pun, hanya-lah rekaan2 sa&aja.

Sebab2 lain yang besar, yang berdiri di-belakang Indonesia, ia-lah, desakan Komunis yang tidak senang dengan Malaysia ini, kerana, apabila Malaysia berjaya berarti pengaruh2 Komunis di-Tenggara Asia, tidak ada tempat lagi, dan itu-lah pula yang mereka anggap kita ini musuh mereka.

Kita yang sa-benar-nya tidak berniat untuk memusuhi Indonesia, kerana kita memandang mereka sa-bagai saudara yang baik, yang akan memberi pertolongan kepada kita.

Mereka mempunyai ra'ayat sa-banyak 100 juta sedangkan kita. hanya 10 .juta sahaja, kita tidak dapat menafikan mereka mempunyai pengaruh di-Tenggara Asia ini, tetapi oleh kerana keadaan di-Indonesia sendiri itu telah begitu burok, maka itu-lah Indonesia berkeadaan sa-demikian rupa, dan ini-lah sa-benar-nya keadaan di-antara Indonesia dan Malaysia ini.

Perundingan di-Tokyo dan Manila.

Di-dalam perundingan itu ada-lah timbul percakapan daripada pihak Indonesia, bahawa President Sukarno tidak begitu kawatir kepada Malaysia ini, asalkan perkara besar Maphilindo itu dapat di-tubuhkan.

Berdasarkan kepada percakapan Presiden Sukarno itu-lah juga, yang di-adakan perundingan di-Manila itu, dan dari itu juga timbul-lah anjoran Presiden Macapagal betapa baik-nya berasal daripada keturunan Melayu.

Kita memang bersetuju chadangan yang baik ini kerana itu juga akan memberi faedah kepada negara2 di-Asia Tenggara ini dengan syarat tidak akan menyentoh kedaulatan negara kita ini.

Chadangan *yang* di-putuskan di-Manila itu di-panggil Maphilindo. Maphilindo ini, ada-lah perkataan yang di-buat oleh Dr. Subandrio sendiri.

Saya sendiri tidak begitu faham mengenai sikap mereka itu, di-dalam perundingan kelihatan benar2 mereka berkehendakkan Maphilindo itu, dan telah pun di-tubuhkan terus Jabatan Sekretariat untuk Maphilindo ini.

Dalam pada itu pun saya sendiri berkata bahawa mustahak-nya kita berjalan dengan sa-chara perlahan2 dahulu, kerana saya sendiri berkeyakinan dan khuatir sama-ada Indonesia benar2 akan menjalankan rancangan ini. Kerana Pengaruh Party Komunis di-Indonesia ada-lah sa ngat besar, dan mereka tidak akan bersetuju rancangan ini di-jalankan.

Dengan kerana itu-lah saya chadangkan supaya perkara Jabatan Setia Usaha untuk menjalankan rancangan Maphilindo itu di-hentikan dahulu, dan memadai-lah dengan.mangadakan perhubungan di-antara tiga negara itu dan bersetuju jika timbul salal faham di-antara satu sama lain umpama-nya, maka dapat di-selesaikan melalui perundingan.

Persetujuan ini di-buatkan di-Manila yang di-sahkan oleh Ketua2 Kerajaan bagi ketiga2 Negara yang bersangkutan itu, ia-itu Y.T.Mulia Tunku Abdul Rahman, President Sukarno dan President M.capagal.

Di-dalam perjanjian itu juga di-tetangkan, jika pehak Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu, U.Thant mengesahkan yang ra'ayat Malaysia, maka Indonesia dan Philipina bersetuju menyambut Malaysia ini.

Kita amat-lah berpuas hati dengan persetujuan itu semua, tetapi; sa-telah Pehak Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu menyatakan bahawa ra'ayat Sabah dan Serawak berkehendakkan-nya dan menyokohg Malaysia, tiba2 pehak -Indonesia dan Philipina tidak mahu menerima-nya.

Ini-lah sa-benar-nya mereka- tidak menunaikan janji, yang telah di-persetujui bersama2 di-Manila itu, kerana perjanjian yang di-persetujui itu, tidak ada syarat2 apa yang di-katakan supaya Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu dapat

mengesahkan kahendak ra'ayat Sabah dan Serawak, Indonesia dan Philipina hendak-la mengakui Malaysia.

Berdasarkan kepada sikap dan telatah Indonesia ini, kita tidak dapat memegang percha"kan mereka, kerana be&ar2 Presiden Sukarno dan Subandrio telah teersetuju di-dalam persidangan Manila, apabila kembali sahaja ka-negeri-nya tiba2 berubah sikap, kemudian Konfrantasi di-istiharkan kembali.

Sikap dan pendirian yang saperti ini tidak dapat kita membuat perhubonga n apa2, maka itu-lah pula sa-waktu saya berada di-Bangkok, sa-telah di-beritahu bahawa Dr. Subandrio akan datang ka-Bangkok, maka saya berkata, bahawa rancangan untok berunding dengan-nya tidak ada apa2 faedah, kerana sikap mereka yang telah di-tunjokkan lebeh dahulu.

Bagi pehak kita, bukan-lah tidak berkahendakkan perhubungan dan persahabatan dengan mereka, tetapis kerana sikap mereka sendiri, dan mereka sa-patut-nya lebeh dahulu menunjukkan kejujuran mereka dengan perbuatan, dan menarek kembali dasar Konfrantasi, bagitu juga menarek kembali tentera2 mereka yang berada di-sempadan Sabah dan Serawak itu, dan terima Malaysia ini, jika perkara2 ini semua di-lakukan, ketika itu baharu-lah perundingan patut di-jalankan.

Kita tidak dapat menghadapi orang yang saperti ini, lain yang di-katakan dan lain pula di-buat-nya. Di-negeri-nya Presiden Sukarno berkata akan mengganyang Malaysia, datang ka-Bangkok, mereka malu berunding.

Saya amat-lah tidak faham, barangkali keadaan di~ negeri mereka sekarang ini terlalu burok keduadokan-nya. Bagai- mana pun, bagi pehak kita tetap-lah dengan sharat2 yang telah kita katakan, ia-itus menunjukkan kejujuran dan hidupkan sa- mula ranctoangan rancangan Maphilindo itu, baharu-lah perundingan boleh di-adakan.

Saya sedar, bagi pehak President Macapagal mem- punyai keinginan terhadap soal Maphilindo ini, kerana rancangan itu ada-lah terbit dari beliau sendiri, bukan dari kita, dan kita mahu sa-suatu itu dengan penuh ikhlas dan jujur kerana kita mahu kepada keamanan dan ketenteraman.

Sedangkan Philipina pula. tidak berkata apa2 hanya menuntut Sabah sahaja, tetapi; itu pun bukan semua baha- gian dari Sabah.

Sa-bahagian kechil negeri Sabah dahulu ada-lah

di-bawah perintah Sultan Solo yang telah memberi kepada Company British dengan jalan pajak sa-lama2-nya seperti Pulau Pinang yang di-pajak untuk sa-lama2-nya itu.

Sekarang mereka akan tuntutan kembali sa-bahagian dari Sabah ini ada-lah satu perkara yang membingungkan, memandang kepada chara pajakan-nya itu, dan sekarang mereka heboh2kan pula soal Sabah ini, kerana mereka sendiri pun tidak ada jalan bagi membolehkan Sabah itu di-tuntut, terutama sa-kali penduduk dan ra'ayat Sabah sendiri telah memilih dan berkahendakan Malaysia.

Ini-lah. ,keadaan2 yang berlaku di-dalam Tenggara Asia, berkaitan dengan Maphilindo itu.

Kembali pula kepada soal Malaysia di-mana negeri2 Sabah dan Serawak telah berada di-dalam-nya sekarang, timbul-lah soal pergerakan UMNO kita ini.

Party2 di-Sabah, Serawak, dan party2 anak Brunei yang terdiri dari orang2 keturunan Melayu, Dayak dan sa-baga i-nya, telah menyatakan persetujuan mereka akan menyertai UMNO ini, dan kita akan menubuhkan UMNO ini, di-negeri2 yang berke-inaan itu bagi menjaga dan memelihara kedudukan serta menolong mereka.

UMNO sa-bagai party Kebangsaan yang seperti ini ada-lah mustahak di-jadikan satu Party yang meliputi anak2 bumi putra seluruh-nya di-Malaysia, dan bagi pehak Perikatan akan menjalankan dasar-nya seperti apa yang di-jalankan di-sini.

Sa-lain dari itu, kita ida-lah menghadapi Party2 Lawan seperti PAS, yang ada perhubungan-nya dengan Indonesia dan Socialist Front yang mempunyai pertalian rapat dengan Party2 Komunis itu,

Party2 lawan ini semua-nya, di-saat kita menghadapi kechemasan dalam negeri, sa-patut-nya mereka bersatu dan berdiri bersama2 dengan Kerajaan, tetapi Party2 pembangkang ini ada-lah sa-balek-nya, dan ini-lah menandakan bahawa Party Pembangkang seperti ini ada-lah tidak jujur terhadap negeri dan bangsa mereka, mereka lebeh mementingkan perhubungan mereka dengan luar negeri-

Bagaimana kita akan perchaya kepada party2 seperti ini bagi menjaga keselamatan serta kedaulatan bangsa dan negara , ini.

Kapada tuan2 dan puan2 ada-lah menjadi kewajipan, menerangkan dengan sa-terang2-nya kapada ra'ayat2 di-kampong2 terutama-nya, betapa merbahaya-nya jika party2 ini semua men-tadbir negeri ini.

Bagitu juga saperti P.P.K. yang di-pimpin oleh Enche' Abdul Aziz Ishak yang terang2 ada perhubungan dengan luar negeri, saperti yang selalu di-sebut2 nama-nya oleh Radio Kalimantan Utara.

Walau pun beliau sendiri telah menyatakan kapada saya sendiri bahawa beliau dan Party-nya tidak ada perhubungan dengan luar negeri, tetapi kita tentu tahu bagaimana Shaikh Azahari mengagong2kan-nya sa-bagai sa-orang Ketua yang memper-juangkan kahendak2 ra'ayat mereka.

Oleh kerana keadaan masa tidak menchukupi dan mengizinkan, tidak-lah dapat saya memperkata satu persatu mengenai gerakan Pembangunan Luar Bandar dan kejayaan2-nya dalam masa 3 tahun ini. kapada tuan2.

Tetapi hendak-lah mengambil perkara Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini, menjadi bahan kapada tuan2 apabila memberi penerangan di-kampong2 nanti, di-dalam pada itu pun, tuan2 dapat membuat perhubungan dalam perkara ini dengan Ibu2 Pejabat negeri, Pejabat2 Jajahan supaya sa-suatu-nya dapat di-ketahui dan di-pelajari dengan chara yang lebeh sempurna.

Sekian-lah sahaja untok tuan2 dan puan2 pada hari ini, yang sempat saya terangkan, Terima Kaseh.